



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KERJASAMA STRATEGIK KPWKM -SWASTA TAMBAH KECERIAAN AIDILFITRI KUMPULAN SASAR JKM

PUTRAJAYA, 24 Mac – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah menyerikan Majlis Ihya Ramadan JKM, Berkat Berjasa, Berkat Ramadan Kareem 1446H di Dewan Nur, KPWKM. Majlis yang meraikan kumpulan sasaran JKM ini mendapat kerjasama daripada 99 Speed Mart Sdn Bhd dan Yayasan Sime Darby.

Majlis ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan kumpulan sasaran jabatan di samping menyemai semangat keprihatinan dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat selaras dengan konsep MADANI.

Pada hari ini, 99 Speedmart telah menyumbang 1,700 bakul makanan bernilai RM85,000.00 yang mengandungi barang keperluan asas kepada penerima bantuan JKM sempena sambutan Aidilfitri. Selain daripada itu, Yayasan Sime Darby telah menyumbang sejumlah RM39,000.00 dalam bentuk agihan duit raya kepada 200 orang penerima dan sumbangan bakul makanan kepada 17 buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) di empat buah negeri.

KPWKM berterima kasih kepada syarikat-syarikat korporat dan swasta yang menjalankan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama agensi dibawah Kementerian demi kesejahteraan kumpulan sasaran. Ia merupakan sebahagian daripada usaha kolaboratif di antara pihak kerajaan dan swasta dalam usaha menyantuni dan membantu rakyat yang memerlukan.

Turut serta dalam majlis ini ialah YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YB Senator Isaiah A/L D Jacob, Ahli Dewan Negara, YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, YBhg. Encik Yong Eng Kwang Ketua Pegawai Operasi, 99 Speed Mart, YBrs. Dr. Hajah Yatela Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Sime Darby, serta Pegawai – Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi di bawah KPWKM.

###

**Unit Perhubungan Awam,
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
24 Mac 2025**